

PERWILA adakan kunjungan hormat ke Pejabat Penyiaran Labuan

LABUAN: Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA) membuat Kunjungan Hormat kepada Pengarah Penyiaran Wilayah Persekutuan Labuan yang baharu, Rohani Harithuddin di pejabatnya di Jalan Tanjung Taras, dekat sini, pada Jumaat.

Rombongan PERWILA diketuai Ketua 1 Haji Othman Mahali dan Ketua 2 Sahar Mison serta beberapa orang Ahli Jawatankuasa termasuk Setiausaha, Francis Labi, Bendahari, Masmah Mohd Ali dan dua orang Ahli Jawatankuasa Haji Abd Rahman Lamudin, dan Hajah Hasnah Sambas.

Dalam kunjungan hormat tersebut, Haji Othman memaklumkan tentang hasrat PERWILA untuk memartabatkan seni sastra, budaya dan bahasa khususnya di Wilayah ini.

Beliau juga turut menjelaskan secara terperinci tentang latar belakang PERWILA sejak awal penubuhannya pada Tahun 1985, serta para penulis yang bergiat dalam satu-satunya Persatuan Penulis yang wujud di Wilayah ini.

Othman berkata, PERWILA bersama Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) dan Perbadanan Labuan akan menganjurkan Hari Sastera Nasional yang akan

diadakan di Labuan selama tiga hari pada 17-19 Mac 2017.

Selain itu katanya, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dan DBP Cawangan Sabah, Jabatan Pendidikan W.P Labuan serta Kampung Sungai Bedaun turut terlibat sama.

“PERWILA mengharapkan kerjasama penuh Jabatan Penyiaran melalui Labuan FM untuk menyemarakkan kegiatan seni sastra, budaya dan bahasa khususnya melalui slot khas bagi mengembangkan bakat para penulis muda di Labuan dan menyebarluaskan karya sastra di sini” katanya. -OLEH: JAINUDIN DJIMIN



CENDERAHATI
... Haji
Othman
menyerahkan
cenderahati
kepada
Rohani sambil
diperhatikan
oleh ahli
rombongan
PERWILA
sempena
kunjungan
itu.